

(1) Apa yang telah kamu pelajari daripada kursus etika dan peradaban?

Sepanjang saya mengikuti subjek penghayatan etika dan peradaban ini, terdapat pelbagai perkara yang telah saya pelajari. Antaranya ialah apakah itu etika dan peradaban, etika berdasarkan peradaban Barat berasal daripada perkataan Greek iaitu 'ethos' yang membawa maksud sikap dan adat yang menentukan tingkahlaku sesebuah masyarakat. Etika juga merupakan satu set prinsip moral yang menentukan sesuatu tindakan adalah betul atau salah. Prinsip-prinsip moral ini dijadikan sebagai satu panduan kepada kelakuan manusia sama ada menjadi baik atau buruk. Secara menyeluruh, pengertian etika adalah berbeza-beza dan kebiasaannya bergantung kepada prinsip-prinsip asas dan nilai yang dipegang oleh seseorang individu. Etika individu ini menjadi kawalan kepada tindakan seseorang apabila berurusan dengan pihak lain.

Selain itu, saya juga mempelajari tentang etika Islam yang dikaitkan dengan istilah 'akhlak', dari sudut bahasa ia bermaksud sikap, tabiat, budi pekerti, perangai dan tingkah laku. Manakala dari sudut istilah pula, ia dapat dimaksudkan sebagai tingkah laku semulajadi atau kebiasaan individu yang dipancarkan hasil daripada keadaan jiwa seseorang individu tersebut serta tanpa pertimbangan pemikiran terlebih dahulu. Dua sumber etika dalam Islam ialah Al-Sunnah dan kitab suci Al-Quran. Etika Islam ini mengajar saya untuk sentiasa mengamalkan akhlak yang baik seperti saling tolong-menolong, bercakap benar, mempunyai integriti, bersikap adil dan saksama. Dari sini jelaslah bahawa agama Islam amat menekankan pengikutnya untuk sentiasa mempunyai akhlak yang mencontohi Rasulullah SAW.

Di samping itu, subjek ini memberikan saya ilmu yang baharu tentang konsep kesepaduan sosial dan kesepaduan nasional. Kesepaduan sosial boleh difahami sebagai jalinan hubungan kerjasama antara kaum dan kelompok, berkongsi aktiviti budaya dan pinjam meminjam unsur budaya masing-masing. Ia merupakan elemen penting dalam memastikan sesebuah komuniti atau negara itu berada dalam keadaan aman dan harmoni. Apabila

kesepaduan sosial sesebuah negara itu sudah kukuh, maka ia akan menjadi lebih mudah untuk membina kesepaduan nasional. Kesepaduan nasional pula dilihat sebagai satu proses dinamik apabila rakyat pelbagai kaum dan etnik dengan sosiobudaya, agama, adat resam, bahasa dan wilayah yang berbeza dapat hidup dalam suasana aman damai serta harmoni.

Seterusnya, saya memahami sejarah, definisi dan konsep yang berkaitan dengan perlembagaan dan peranan perlembagaan Malaysia. Perlembagaan atau undang-undang merupakan salah satu daripada lima syarat sesebuah negara dipanggil 'negara' selain daripada perlu adanya penduduk, kerajaan, wilayah dan kedaulatan. Semua negara yang merdeka di dunia ini mempunyai perlembagaan sama ada perlembagaan bertulis atau perlembagaan tidak bertulis. Perlembagaan negara Malaysia dibentuk berdasarkan sejarah yang sangat panjang berteraskan perjuangan rakyat serta kerjasama pelbagai etnik dalam menghadapi ujian getir penjajahan British. Perlembagaan ini telah cuba sedaya upaya untuk memberi peluang kepada setiap rakyat supaya mendapat hak dalam kerukunan hidup bernegara dengan menjiwai perjanjian yang mengambil kira hak dan peranan semua golongan yang bergelar pemerintah dan yang diperintah.

Akhir sekali, etika dan peradaban dalam konteks budaya dan komunikasi kontemporari merupakan antara perkara yang saya pelajari sepanjang mengikuti subjek etika dan peradaban ini. Di bawah topik ini, kebebasan bersuara didefinisikan sebagai hak terhadap individu dalam menyampaikan apa yang difikirkan, apa jua pandangannya mengenai sesuatu idea sama ada dalam bentuk lisan, tulisan, slogan, lakonan ataupun ekspresi. Bukan itu sahaja, topik ini juga menerangkan apa itu hedonistik – menampilkan keseronokan yang berlebihan dalam kehidupan. Hal ini berpunca daripada perkembangan media massa, kesan pengaruh globalisasi dan juga perubahan gaya hidup yang mementingkan keseronokan dan hiburan. Hedonistik ini perlulah dijaui oleh setiap individu kerana ia akan membuatkan gaya hidup kita tidak stabil dan tidak produktif. (7)

(2) Bagaimana kamu boleh praktik atau amalkan perkara-perkara yang telah kamu pelajari pada kursus etika dan peradaban ini dalam kehidupan seharian?

Pertama sekali, saya perlulah mengamalkan konsep etika ini dalam kehidupan seharian agar mendapat ketenangan jiwa, dapat membina sahsiah diri serta keperibadian yang baik. Dengan mengamalkan etika ini juga, saya dapat melakukan kurang masalah atau kemudaratan kepada manusia yang lain walaupun kepada musuh saya sendiri kerana saya tahu bahawa melakukan kejahatan kepada orang lain merupakan sesuatu perkara yang tidak beretika dan tidak sepatutnya dilakukan oleh mana-mana individu. Prinsip-prinsip moral ini juga akan saya pegang untuk menjadikan panduan hidup dari hari ke hari selain daripada kitab suci Al-Quran dan Al-Sunnah itu sendiri. Dengan mempunyai pegangan yang benar dan kukuh, secara tidak langsung saya akan menjadi seorang yang dapat berbakti kepada sekeliling, keluarga, masyarakat dan juga negara dengan melakukan kebaikan dan menyebarkan perkara-perkara positif.

Kedua, sebagai seorang penganut agama Islam saya hendaklah mengamalkan etika dalam Islam juga. Antaranya ialah mengamalkan nilai etika dalam Islam seperti amanah. Dalam apa jua yang saya lakukan, saya perlulah melaksanakan amanah atau tanggungjawab yang diberikan dengan sebaik-baiknya sehinggalah amanah itu selesai ditunaikan. Dalam melaksanakan amanah tersebut, saya tidak boleh untuk membohong, tidak bersungguh-sungguh dalam menyiapkan amanah tersebut dan juga mengabaikannya. Bukan itu sahaja, saya juga akan mengamalkan sikap tolong-menolong sesama manusia tidak mengira bangsa, agama, umur dan juga warna kulit. Contohnya, membantu golongan-golongan yang kurang bernasib baik dengan memberikan sumbangan atau makanan asas, membantu ibu bapa dalam mengemas rumah, menjaga adik-adik dan juga perkara aktiviti seharian lain.

Ketiga, dalam mencapai kesepaduan sosial, nasional dan juga peradaban negara Malaysia, saya hendaklah mengambil beberapa iniatif yang boleh diamalkan dalam kehidupan seharian. Antaranya adalah untuk sentiasa menuntut ilmu sehingga ke liang lahad agar dapat melahirkan inovasi-inovasi yang berupaya membangunkan negara. Bukan itu sahaja, dengan ilmu yang dipelajari ini saya berharap agar dapat membantu orang lain dan juga komuniti

dalam mencapai tahap pembelajaran yang optimum di dalam bidang yang diceburi. Tidak dilupakan juga, sebagai seorang rakyat Malaysia saya perlulah mengamalkan nilai kebersamaan dan menjaga sensitiviti semua kaum agar sifat perkauman di Malaysia ini menjadi kukuh serta supaya tragedi rusuhan etnik pada 13 Mei 1969 tidak berulang lagi. Tambahan lagi, sebagai seorang rakyat Malaysia, saya mestilah berpegang teguh dengan prinsip Rukun Negara dan berusaha untuk memupuk minat di dalam diri sendiri untuk memahami budaya kaum-kaum yang lain.

Keempat, saya mestilah menghayati Perlembagaan Persekutuan sebagai perundangan tertinggi negara. Hal ini adalah bagi mengekalkan perpaduan, keharmonian hidup bermasyarakat dan juga bagi mengelakkan perkara-perkara sensitif yang tidak wajar dibincangkan secara terbuka berlaku. Antara perkara sensitif tersebut ialah kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, agama Islam sebagai agama rasmi, keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera, hak kewarganegaraan dan hak asasi. Saya juga perlu sentiasa mengingatkan diri tentang sejarah pembentukan Perlembagaan Persekutuan agar lebih menghargai kewujudan serta kepentingan perlembagaan sebagai agen penyatuan dan sentiasa rasa bersyukur dapat menjadi rakyat Malaysia. Dengan ini, nilai-nilai patriotik di dalam diri secara tidak langsung dapat dipupuk sekaligus meningkatkan nilai kekitaan dan menghormati masyarakat lain walaupun berbeza kaum dan agama.

Akhir sekali, dalam mengharungi era modenisasi ini saya hendaklah mengamalkan konsep etika apabila menggunakan media sosial. Antaranya ialah menggunakan media sosial secara profesional seperti tidak melakukan 'troll', penipuan di atas talian dan banyak lagi perkara yang tidak bermoral kepada pengguna lain. Selain itu, saya hendaklah menggunakan bahasa yang sopan apabila bertutur dan memuat naik sesuatu perkara ke dalam media sosial agar tidak menyentuh sensitiviti mana-mana pihak dan menimbulkan provokasi. Seterusnya, sebagai individu yang bertanggungjawab dilarang sama sekali untuk menyebarkan maklumat palsu untuk kepentingan diri dan juga menggunakan maklumat diri yang palsu. Tambahan lagi, saya perlulah menggunakan media sosial secara berpadu-pada dalam kehidupan seharian agar dapat menjadi lebih produktif dan juga bagi mengelakkan diri daripada tergolong dalam golongan hedonistik.